

Terdapat  
2,535  
mahasiswa  
antarabangsa

>>Oleh Ruhaiza Rusmin  
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

**L**ANGKAH Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkasakan aspek pengantarabangsaan kini menunjukkan kejayaan apabila mencatatkan peningkatan pengambilan mahasiswa pasca siswazah antarabangsa seramai 432 orang pada semester kedua 2011/2012.

Jumlah itu meningkat 20 peratus kepada 86 mahasiswa berbanding sesi sama Disember tahun lalu.

Naib Canselor UPM, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi berkata peningkatan itu membuktikan, UPM menjadi pilihan utama mahasiswa antarabangsa melanjutkan pengajian sekaligus merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan negara ini hab pendidikan tersohor.

"Ini satu perkembangan positif dan membuktikan kemampuan UPM memperkuuhkan

# UPM pilihan global



**GEMBIRA**...sebahagian mahasiswa antarabangsa UPM bergambar kenangan.

aspek pengantarabangsaan.

"Ini langkah proaktif menjadikan negara ini hab pendidikan di peringkat global," katanya ketika majlis lafadz ikrar yang berlangsung di kampus induk UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Datin Paduka Dr Aini Ideris, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Ir Dr Mohd Saleh Jaafar, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof

Dr Mohd Fauzi Ramli dan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Dr Tai Shzee Yew.

Di majlis itu, seramai 1,374 mahasiswa baru pasca siswazah melafaz ikrar sebagai simbolik memulakan penga-



**JANJI**...melafazkan janji sebagai simbolik patuh pada peraturan ditetapkan.

jian di UPM membabitkan 30 negara termasuk Iran, Iraq, Kanada, Cameroon, Syria, Nigeria, Yemen, Palestin, Somalia, Russia, Tanzania, Bangladesh dan Indonesia.

Mahasiswa dari Nigeria, Shehu Malami, berkata suasana pengajaran di kampus yang kondusif serta keistimewaan persekitaran menjadikan dia selesa melanjutkan pengajian peringkat sarjana dalam bidang sains komputer.

"Minat memilih UPM timbul

selepas membaca beberapa artikel mengenai keunikan negara ini yang aman dan harmoni dengan pelbagai kaum.

"Jurusan ditawarkan menerusi kehendak pasaran kerjaya selain status UPM sebagai universiti penyelidikan. Ini satu kelebihan untuk membina masa depan," katanya.

Seramai 2,535 mahasiswa antarabangsa sedang menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD di UPM pada masa ini.